

▼07/06/14-47MST

CNS3541

U GB 07-06 00174 BA406

aab

Mahathir - Teknologi

M'STA PERLU MSYARAKAT BERBUDAYA CIPTA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Malaysia perlu mewujudkan sebuah masyarakat yang berbudaya cipta bagi memastikan negara ini turut menyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi dunia pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata langkah itu juga perlu diambil bagi memastikan teknologi ciptaan tempatan mampu menembusi pasaran antarabangsa.

"Untuk menjadi sebuah negara industri penuh, kita tidak boleh hanya meniru dan menerima gaya cara kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara maju," katanya ketika berucap merasmikan Ekspo Kebangsaan Kemahiran Hidup dan Rekacipta Pelajar peringkat kebangsaan 1994, di sini hari ini.

Ini kerana kecekapan dalam bidang-bidang teknologi dan kemampuan mewujudkan teknologi baru sangat penting jika Malaysia ingin mencapai kemajuan ekonomi yang lebih tinggi dan mengekalkan daya saing ekonominya dalam pasaran dunia, kata beliau.

Untuk itu, katanya, pembangunan asas teknologi yang teguh bagi meningkatkan proses perindustrian dan pertumbuhan ekonomi merupakan satu daripada prasyarat penting bagi mencapai matlamat itu. -- Lagi

▼07/06/13-25MST

U GB 07-06 00194 BH441

AAB

Mahathir - Teknologi 2 Kuala Lumpur

Menurut Dr Mahathir walaupun kerajaan menggalakkan pemindahan teknologi dari negara asing, penekanan terus diberikan ke arah membangunkan teknologi tempatan kerana ia merupakan faktor kritikal yang membolehkan Malaysia mencapai kelebihan persaingan di arena antarabangsa.

"Jika Malaysia ingin berjaya sebagai sebuah negara perindustrian, saintis dan ahli teknologi negara harus segera meningkatkan kepakaran mereka agar bukan sahaja berupaya menerima, mengasimilasi dan menyesuaikan teknologi dari luar malah berupaya menghasilkan teknologi tempatan yang setanding, jika tidak lebih maju daripada teknologi asing.

Di samping itu juga, beliau mengingatkan pencipta dan peka bentuk bahawa mereka perlu memastikan hasil ciptaan mereka boleh dipasarkan bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi hingga ke peringkat sejagat.

Tumpuan strategi perlulah ke arah mengkomersilkan hasil penvelidkan atau ciptaan teknologi yang berpotensi agar ia sejajar dengan keperluan pasaran, katanya, sambil menekankan tentang pentingnya saintis dan ahli teknologi memberi tumpuan kepada "keusahawanan-teknologi" serta memikirkan keperluan pengguna dan strategi pemasaran berkesan.

Sebagai usaha meningkatkan lagi kecenderungan ke arah bidang itu, beliau mahu generasi muda supaya terus berusaha meningkatkan tahap pencapaian pendidikan, terutama yang memberikan penekanan kepada bidang matematik, sains dan komunikasi. -- Lagi.

▼07/06/14-01MST

R GB 07-06 00181 BA411

aab

Mahathir - Teknologi 3 Kuala Lumpur

Langkah itu perlu diambil memandangkan tenaga buruh di Malaysia mempunyai tahap pendidikan lebih rendah berbanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan di mana sebahagian besar daripada penuntut meneruskan pelajaran lebih daripada tahap umur yang ditetapkan.

Dr Mahathir berkata kejayaan negara-negara berkenaan dalam proses perindustrian jelas bergantung kepada banyaknya bilangan penuntut yang meneruskan pendidikan lebih daripada tahun umur yang diwajibkan.

Di samping itu, beliau juga menyeru sektor swasta dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan supaya turut membantu usaha Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memupuk dan menyemai minat mencipta di kalangan generasi muda.

Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Malaysia juga perlu lebih agresif membantu keupayaan pencipta muda agar dapat ditonjolkan hingga ke peringkat antarabangsa, katanya.

Dalam hal ini, beliau berbangga dengan kejayaan ahli sains tempatan memenangi pingat emas di Pameran Antarabangsa ke-22 bagi Ciptaan dan Teknik Baru di Geneva, Switzerland April lepas, yang menunjukkan keupayaan rakyat Malaysia menghasilkan penyelidikan dan ciptaan baru telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. -- Lagi

▼07/06/14-24MST

R GB 07-06 00154 BA412

aab

Mahathir - Teknologi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga mahukan syarikat swasta turut menyediakan institusi latihan teknikal mereka sendiri seperti yang dilakukan oleh syarikat Mitsubishi di Jepun, yang mempunyai lima institut teknik bagi melatih kemahiran seumpama itu.

Langkah itu juga sejajar dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan ahli sains dan ahli teknologi dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sehingga 1,000 orang bagi sejuta rakyat pada tahun 2000 berbanding dengan 400 penyelidik bagi setiap sejuta pada 1989, katanya.

Menyentuh mengenai ekspo itu, Dr Mahathir berkata ia selaras dengan usaha untuk menanam minat pelajar dalam bidang kemahiran hidup serta sains dan teknologi di samping membolehkan kementerian mengukur kemajuan pelajar dalam bidang itu.

Pengetahuan dan kemahiran asas yang diperolehi oleh pelajar melalui ekspo itu akan membantu mereka menyediakan diri untuk menguasai apa juga teknologi dalam zaman teknologi yang sentiasa berkembang pesat, katanya. --

Bernama

JO STA

▼07/06/14-24MST